

PM ingatkan umat Islam tidak leka rai bulan puasa

Rakyat perlu terus amalkan kawalan sendiri cegah penularan COVID-19

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengingatkan umat Islam supaya tidak leka sepanjang meraikan Ramadan, sebaliknya terus mengamalkan kawalan sendiri bagi mencegah penularan COVID-19 walaupun kelonggaran sudah diberikan termasuk bagi menunaikan ibadah di masjid.

Perdana Menteri berkata, sepanjang diuji dengan pandemik COVID-19, umat Islam di Malaysia tidak dapat mengimarahkan masjid seperti menganjurkan

majlis berbuka puasa dan moreh, manakala solat fardu dan tarawih berjemaah terikat dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Katanya, Malaysia kini berada dalam fasa peralihan ke endemik bermula kelmarin yang membolehkan Keluarga Malaysia kembali kepada kehidupan normal, dapat merapatkan saf untuk menunaikan solat fardu dan tarawih secara berjemaah serta menyemarakkan program ihya Ramadan, tertakluk kepada ketetapan pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

"Kita percaya ramai yang ingin pulang ke kampung halaman masing-masing untuk menyambut Ramadan kali ini kerana tidak berpeluang menyambutnya pada Ramadan lalu. Walaupun diberikan kelonggaran, pemakaian pelitup muka di tempat awam masih diwajibkan. Jangan leka dan terus mengamalkan kawalan sendiri," katanya.

Dalam ucapan khas sempena

"Kita percaya ramai yang ingin pulang ke kampung halaman masing-masing untuk menyambut Ramadan kali ini kerana tidak berpeluang menyambutnya pada Ramadan lalu

*Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Merited*

Ramadan 1443 Hijrah yang disiarkan di stesen televisyen tempatan malam tadi, Ismail Sabri turut menegaskan, amat penting bagi umat Islam memelihara hubungan, bukan sahaja dengan Maha Pencipta, tetapi juga sesama manusia.

"Ramadan bulan penuh barakah ini adalah peluang untuk



menginsafi diri dan mengumpul pahala dengan memperbanyak amalan bersedekah. Semoga Ramadan dapat memperkuat aspek rohani Keluarga Malaysia. Saya mengucapkan selamat menyambut Ramadan dan selamat berpuasa kepada seluruh Keluarga Malaysia beragama Islam," katanya.